


# Alam Sahabatku

Nadrah  
Cintakan

Bumi



Kusyi Hirdan

جائزہ بحفاظت انسان و مائیں  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

# Alam Sahabatku

Nadrah  
Cintakan



# Bumi

Kusyi Hirdan



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Diterbitkan Oleh:  
© JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA  
www.islam.gov.my

ISBN 978-983-042-518-4  
Cetakan pertama 2013

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya, Perundingan tertakluk perkiraan royalti atau honorarium.


Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

**Raja Nur Qurshiyah Raja Hirdan**

**Alam Sahabatku : Nadrah, cintakan bumi/ Raja Nur Qurshiyah Raja Hirdan.**

ISBN 978-983-042-518-4

1. Children's stories, Malay. 2. Islamic stories, Malay. 3 . Judul. 4. 899.2333



# Kata Pengantar

Assalamualaikum wr.wb.

Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan nikmat limpah kurnia-Nya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) sekali lagi berjaya menerbitkan buku kanak-kanak yang bertajuk “Alam Sahabatku: Nadrah Cintakan Bumi” dengan gaya dan persembahan ilustrasi yang menarik sekali bagi golongan kanak-kanak. Bahan bacaan untuk golongan remaja dan dewasa memang banyak dijual di pasaran namun, Jakim telah mengambil inisiatif untuk memperbanyakkan lagi buku yang berunsur kanak-kanak, kerana kanak-kanak perlu didedahkan dengan buku-buku yang boleh membentuk peribadi mulia.

Sebelum ini Jakim telah berjaya menerbitkan buku siri Kanak-Kanak Hadhari dengan pelbagai cerita yang menyelitkan unsur-unsur pendidikan dengan bahasa yang mudah difahami dan disertai dengan ilustrasi yang menarik. Ini adalah untuk memudahkan kanak-kanak memahami dan tertarik untuk membacanya.

Buku Alam Sahabatku ini merupakan penerbitan buku kanak-kanak yang berunsurkan “Sains Alam Sekitar” yang boleh dijadikan panduan dan amalan dalam kehidupan seorang kanak-kanak. Peribahasa ada mengatakan, “Melentur Buluh Biar Dari Rebungnya.” Saranan ini selaras dengan ajaran Islam yang menghendaki semua golongan masyarakat Islam termasuk kanak-kanak wajib menuntut ilmu.

Akhirnya semoga buku ini memberi manfaat yang besar kepada masyarakat terutama kanak-kanak agar menjadi generasi yang cintakan ilmu pengetahuan ke arah memakmurkan dan memajukan negara yang tercinta ini.

Dato' Haji Othman Bin Mustapha

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

# PRAKATA

Assalamualaikum,

Setiap ciptaan Allah SWT di muka bumi ini ada banyak manfaatnya kepada manusia. Kita sebagai makhluk Allah SWT wajib menjaga nikmat ini kekal untuk kebaikan manusia. Semoga buku ini dapat memberi sedikit kesedaran kepada kita supaya bertanggungjawab dan menyayangi bumi yang Allah SWT pinjamkan ini.

Kita tidak lagi pentingkan diri dan risau apabila kehijauan semakin menipis serta keredupan bersumber dari pokok-pokok yang menghias dunia ini semakin kurang ditemui. Sekiranya sekarang kita semakin hidup di hutan batu, apa jadi pada masa depan anak cucu kita kelak?

Buku ini memang dari sudut pandangan seorang kanak-kanak perempuan bernama Nadrah tetapi apakah yang boleh dilakukan oleh seorang kanak-kanak tanpa sokongan dan bimbingan daripada orang dewasa. Sekiranya Nadrah yang masih kanak-kanak mendapat kesedaran, mengapa tidak kita?

Bermula dari kitalah yang mencorakkan anak-anak, keluarga dan orang terdekat agar peka pada alam sekitar dan mengekalkan kesegaran bumi ini. Mulakan langkah pertama! Bermulalah kecil-kecilan kerana ia tetap mempunyai impaknya sendiri.

Maaf zahir batin sekiranya ada tersalah dari pihak saya (penulis) dalam menzahirkan buku ini. Mari kita sama-sama mengambil bahagian menyumbang ke arah alam yang lebih sihat dan selamat. In-sya-Allah.


*Kusyi Hinda*

# ALAM SAHABATKU

## NADRAH, CINTAKAN BUMI

Kata Pengantar	iii
Prakata	iv
Isi Kandungan	v
Nadrah, Hero Bumi	1-38
Nadrah, Sayang Haiwan	39-76
Nadrah, Mengintai cakerawala	77-110
Nadrah, Di Alam Tumbuhan	111-140
Nadrah, Memelihara Atmosfera	141-170







# Alam Sahabatku Nadrah, Hero Bumi




# Keluarga Nadrah

**N**ama saya Nadrah. Umur 10 tahun. Saya anak sulung daripada tiga adik-beradik. Adik saya Shakir, 7 tahun dan Umairah, 5 tahun. Bapa saya seorang pelukis pelan, ibu saya pula bekerja sebagai kerani pentadbiran. Bapa berasal dari Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak. Manakala ibu orang Kampung Som, Jerantut, Pahang. Sejak saya lahir lagi kami sudah menetap di Kuala Lumpur.








Kami tinggal di sebuah apartment yang mempunyai 13 tingkat. Rumah kami di tingkat dua yang mempunyai tiga bilik dan dua ruang tamu.

Walaupun kami tinggal di rumah pangsa yang sederhana besarnya tetapi ibu tetap rajin menanam pokok bunga pasuan yang diletakkan di balkoni rumah kami yang comel.

Selain di balkoni, ibu juga meletakkan pokok pasuan di ruang tamu, di atas meja makan dan di dalam bilik tidur.





“Rajinnya anak ibu. Dapat pahala membantu ibu bapa.”

“Nadrah sayang ibu!”

Pulang dari kerja, ibu selalunya kepenatan tetapi ibu tetap rajin menguruskan rumah tangga. Ibu perlu memasak, membasuh kain dan mengemas rumah. Saya pun selalu menolong ibu dengan menyapu sampah dan membantu Shakir menyiapkan kerja sekolah.

“Kakak, betulkah jawapan matematik saya ini?”

“Betul. Pandainya adik kakak.”





Saya tahu ibu penat kerana banyak kerja yang perlu dibuatnya. Namun dalam kesibukan itu ibu masih tetap hendak menanam pokok bunga. Ibu sayang sekali pada pokok-pokok yang ditanamnya.




“Nadrah, ibu serahkan tanggungjawab menyiram pokok bunga dua hari sekali kepada Nadrah, ya! Bolehkan Nadrah bantu ibu?”

“Tentulah boleh, ibu!”

“Adik juga! Adik pun hendak siram pokok bunga!”  
Umairah menyampuk.

“Shakir pun mahu tolong!” kata Shakir pula.

“Sekiranya begitu, kamu bergilir-gilirlah. Hari Isnin, Nadrah menyiram pokok. Hari Rabu pula Shakir. Umairah pula hari Sabtu.”



# Mengapa Mesti Menanam Pokok?




Kata ibu, apabila kawasan persekitaran kita ada banyak pokok-pokok, suasana akan menjadi sejuk. Saya tidak perasan tetapi lama-kelamaan saya tahu kata ibu ada kebenarannya.

“Nadrah ingatkah, sekiranya kita balik kampung, kita akan rasa lebih sejuk?” tanya ibu.

“Sebab di kampung ada banyak pokok, ya, ibu?”

“Betul. Sebab itulah kita kena membantu menyejukkan tempat tinggal kita dengan menanam pokok-pokok di rumah kita. Pokok bunga pun boleh. Rumah kita akan jadi lebih cantik dan berseri dengan adanya pokok bunga.”





Kata ibu semua pokok berfungsi menapis udara. Begitulah hebat dan uniknya makhluk ciptaan Allah SWT. Bayangkan dunia kita tanpa pokok dan kehijauan yang menenangkan. Tentu sekali membosankan!

“Ketika proses fotosintesis pokok akan menyerap gas karbon dioksida dan membebaskan oksigen. Jadi, rumah yang ada banyak pokok akan lebih menyihatkan. Kita semua memerlukan oksigen untuk bernafas,” beritahu ibu.

“Jadi lebih menyihatkan badan, ya, ibu?”

Ibu mengangguk dan tersenyum.



# Mengapa Mesti Menyayangi Bumi?

Di sekolah, guru selalu mengingatkan saya dan kawan-kawan supaya menyayangi bumi. Kata Ustazah Aliyah, sebagai makhluk Allah SWT, kita kena bertanggungjawab menjaga kesejahteraan bumi, planet yang menjadi tempat tinggal semua manusia.



## Nota

Jumlah planet berubah dari masa ke semasa

“Ada 9 planet semuanya tetapi manusia hanya boleh tinggal di bumi.”

“Planet lain tidak boleh, ya, ustazah?”

“Betul, sebab itu kita kena menjaga dunia tempat kita tinggal dengan baik.”



Nak tahu kisah Nadrah seterusnya?  
Dapatkan naskhah anda sekarang di:

Bahagian Penerbitan Jakim  
Aras 1, Blok D9, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62519 W.P. Putrajaya  
No. Tel : 03-8886 4575

# Biodata Penulis



Kusyir Hirdan atau nama penuh beliau ialah Raja Nur Qurshiyah Bt Raja Hirdan dilahirkan pada 16 Januari 1969 di Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak.

Beliau mendapat pendidikan di Sekolah Rendah Raja Perempuan Muzwin bermula dari tahun 1 hingga tahun 6. Kemudian menyambung persekolahan di Sekolah Menengah Raja Perempuan Kelsom. Sel seterusnya beliau menyambung pengajian di Bedford Girls College dalam bidang Secretarial Studies and Intermediate dalam kursus English For Business Communications.

Beliau memulakan minat dalam penulisan dengan menulis cerpen dan puisi, Kusyir Hirdan semakin bersemangat apabila karyanya tersiar di majalah Nona, Jelita, Perempuan, Citra, Wanita dan Seri Dewi & Keluarga. Menulis sudah sebatang dengan jiwanya.

Selain aktif menulis novel, Kusyir Hirdan juga bekerja sebagai wartawan. Kini sebagai penulis penyumbang untuk akhbar Harian Metro di ruangan meja wanita. Sepanjang kerjaya di dunia kewartawanan dan penulisan, Kusyir telah dianugerahi: Hadiah Kewartawanan Terbaik (Bahasa Melayu) 2002, dan Singapore Tourism Award-Penulis Artikel Terbaik (Bahasa Melayu) 2005. Pertandingan Menulis Skrip Berunsur Islam anjuran IKIM-hadiah saguhati, serta Anugerah Sastera Perdana 2010 novel kanak-kanak-Umalrah & Kuda Putih.

Selakat ini Kusyir Hirdan sudah menulis lebih dari 36 novel yang meliputi novel umum, remaja, kanak-kanak dan sains fiksi.

